



TEKS UCAPAN ALUAN

**YANG BERHORMAT DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN
ISMAIL**

**MENTERI DALAM NEGERI
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

SEMPENA

**MAJLIS PELUNCURAN AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN
SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)**

2 FEBRUARI 2025 (AHAD) | 9.00 PAGI

**ANJUNG TINJAU, TERMINAL 1,
LAPANGAN TERBANG KLIA, SEPANG**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera,

Salam Malaysia Madani,

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah Yusof,

Timbalan Perdana Menteri II merangkap Menteri Perladangan dan
Komoditi,

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin Bin Shari,

Menteri Besar Selangor;

Yang Berhormat Menteri-Menteri Kanan,

Yang Berbahagia Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar,

Ketua Setiausaha Negara,

Yang Berbahagia Datuk Johan Mahmood Merican,

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,

Yang Berbahagia Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz,

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Yang Berbahagia Datuk Awang Alik bin Jeman,

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri,

Yang Berbahagia CP Dato' Sri Hazani Bin Ghazali,

Ketua Pengarah Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia,

Tuan Yang Terutama,

Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi,

Tan Sri, Datuk Seri, Dato' Sri, Datuk, Dato',

Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan dan

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini untuk menyaksikan satu lagi detik bersejarah bagi negara tercinta. Kehadiran kita pada hari ini melambangkan semangat perpaduan dan komitmen kita terhadap kemajuan Malaysia Madani. Saya amat berbesar hati untuk menyampaikan ucapan aluan sempena pelancaran Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS), sebuah agensi yang bakal menjadi tunjang utama pengurusan di pintu masuk sempadan negara kita.
2. Penubuhan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) adalah langkah penting dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan sempadan negara terus terpelihara. Selaras dengan aspirasi Kerajaan Madani, AKPS bukan sahaja diharapkan menjadi sebuah agensi yang cekap dan efektif, tetapi juga inovatif dalam mendepani cabaran sempadan global dengan memanfaatkan teknologi moden serta memperkukuh kerjasama serantau.

3. Lima teras utama yang telah digariskan untuk AKPS oleh YAB Perdana Menteri pada 16 April 2024 dahulu ialah: **1. Keselamatan Sempadan:** Mengawal pintu masuk negara secara ketat menggunakan teknologi terkini untuk mencegah ancaman jenayah rentas sempadan. **2. Fasilitasi Pengembara:** Mempercepat dan mempermudah urusan keluar masuk pengembara. **3. Fasilitasi Perdagangan:** Menyokong kelancaran perdagangan dengan memperkemaskan proses kastam dan logistik. **4. Integriti:** Memastikan ketelusan melalui kejujuran dan profesionalisme warga AKPS di barisan hadapan. **5. Hasil Negara:** Memaksimumkan kutipan hasil melalui pengurusan sempadan yang berkesan dan efisien.

4. Kita berada di satu era yang mencabar dan dinamik, di mana sempadan negara bukan sahaja menjadi laluan perdagangan dan pergerakan manusia, tetapi juga medan pertahanan daripada ancaman keselamatan, jenayah rentas sempadan, dan pandemik global. Negara-negara seperti Amerika Syarikat dan Eropah menghadapi masalah seperti penyeludupan manusia, dadah, dan ancaman pengganas melalui sempadan mereka. Dengan memanfaatkan teknologi moden seperti **Sistem Analitik Lanjutan (AS)**, AKPS mampu menangani cabaran-cabaran ini dengan lebih berkesan.

5. Selain itu, kejayaan kerajaan dalam merealisasikan **Strategi Pembenterasan Rasuah Nasional (*National Anti Corruption Strategy* - NACS)** turut menjadi elemen penting yang harus diuar-uarkan. Daripada lebih 60 strategi yang digariskan, lima (5) kejayaan utama telah dicapai, **termasuklah Strategi Nombor 4**

NACS, iaitu **penggubalan dan penguatkuasaan Akta Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) 2024 (Akta 860)**. Selari dengan peluncuran rasmi AKPS pada 2 Februari 2025, **pengiktirafan AKPS sebagai salah satu kejayaan penting di bawah strategi NACS menjadi bukti nyata komitmen Kerajaan Madani dalam meningkatkan integriti dan keberkesanan pentadbiran.**

6. Di samping itu, penggunaan teknologi pengesanan biometrik dan analitik data besar akan memperkukuh pemeriksaan sempadan, mempercepatkan proses dan mencegah pelbagai ancaman sebelum mereka melintasi pintu masuk negara. Tambahan pula, **penggunaan teknologi moden seperti kod QR dan *autogate* di pintu masuk utama seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Bangunan Sultan Iskandar (BSI) telah mempercepatkan urusan pelepasan imigresen. Sistem ini bukan sahaja mengurangkan kesesakan tetapi juga memastikan keselamatan serta kecekapan operasi berada pada tahap tertinggi.**

7. Sebagai penggerak utama aspirasi Kerajaan Madani, AKPS ditubuhkan bukan sekadar memenuhi keperluan operasi, tetapi sebagai lambang keazaman kita untuk menjadi pelindung sejati kepada kedaulatan negara. Dengan teknologi ini, kita dapat memastikan setiap sudut sempadan negara dipantau secara proaktif, sejajar dengan keperluan keselamatan abad ke-21. Dalam hal ini, **saya teringat kata-kata Ibnu Khaldun, seorang ahli falsafah terkenal, yang berkata, “*Asas kepada kekuatan sebuah negara adalah pada keadilan dan perlindungan yang diberikan*”**

kepada rakyatnya.” AKPS adalah komitmen kita untuk memastikan keadilan dan perlindungan ini terus kukuh.

Hadirin yang saya hormati,

8. Sejar dengan amanat dan arahan YAB Perdana Menteri supaya AKPS memulakan pengoperasian AKPS secara pentadbiran mulai Mei 2024 tahun lepas, AKPS telah bekerjasama dalam memberikan maklumat kepada agensi-agensi penguatkuasa seperti PDRM, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Lembaga Minyak Sawit Sandakan dan beberapa agensi lain yang melibatkan operasi khas bersama-sama agensi dengan hasil rampasan berjumlah lebih kurang **RM49.6 juta**. Selain itu, hasil maklumat oleh AKPS kepada pihak PDRM dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan hasil maklumat tersebut, operasi bersepadu telah dilaksanakan pada 17 Januari 2025 ke atas tujuh (7) syarikat memproses dan membekal produk besi dan logam untuk sektor pembinaan dengan nilai rampasan keseluruhan berjumlah lebih kurang **RM116,400,829.45**.
9. Dalam masa yang sama, sejak **pengoperasian rintis AKPS bermula pada 1 Januari 2025** di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang, beberapa kejayaan telah dicapai dalam membanteras aktiviti penyeludupan. Sebagai contoh, AKPS telah berjaya mematahkan beberapa cubaan penyeludupan barang-barang terlarang yang dianggarkan bernilai **RM318,044.00**. Kejayaan ini mencerminkan kecekapan AKPS dalam mengawal dan melindungi sempadan negara daripada

ancaman keselamatan dan jenayah rentas sempadan. Lebih membanggakan, kejayaan ini dicapai dalam tempoh **hanya sebulan** selepas **Pengoperasian Rintis AKPS** mulai 1 Januari 2025 . Ini memberikan gambaran yang positif tentang potensi besar agensi ini untuk terus mempertingkatkan keberkesanan operasinya. Dengan pengalaman yang diperoleh, saya yakin AKPS mampu mencapai kejayaan yang lebih besar dalam usaha mengekang jenayah rentas sempadan dan memastikan keselamatan sempadan negara berada pada tahap tertinggi.

10. Penubuhan AKPS juga membawa manfaat besar kepada Malaysia secara keseluruhan. Di Semenanjung Malaysia, kawasan strategik seperti Bangunan Sultan Iskandar (BSI) di Johor Bahru mencatat purata harian sekitar **400,000 pergerakan penumpang dan kenderaan**. Dengan teknologi moden seperti analitik data besar dan kecerdasan buatan, AKPS akan mempercepatkan proses pemeriksaan dan meningkatkan kecekapan operasi, memastikan keselamatan dan kelancaran urusan keluar masuk di pintu masuk utama negara.
11. Manakala di Sabah dan Sarawak, AKPS berperanan dalam memperkukuh integrasi nasional serta mempermudah perdagangan rentas sempadan. Melalui pengurusan sempadan yang lebih cekap dan seragam, kawasan seperti pelabuhan dan lapangan terbang di kedua-dua negeri ini dapat dioptimumkan untuk meningkatkan pelaburan dan merangsang sektor pelancongan. Pendekatan ini sejajar dengan usaha Kerajaan Madani untuk memastikan pembangunan yang inklusif dan saksama di semua wilayah Malaysia.

12. Tahun 2025 adalah tahun yang signifikan bagi Malaysia kerana kita akan memegang kepengerusian ASEAN. Dalam konteks ini, AKPS berperanan penting untuk memperkukuh integrasi serantau melalui kawalan sempadan yang lebih cekap dan keselamatan yang terjamin. Saya percaya AKPS mampu menunjukkan bagaimana pengurusan sempadan yang moden dan berpaksikan teknologi dapat memacu kerjasama ekonomi dan keselamatan serantau. Ia juga membuka peluang untuk memperkukuh imej Malaysia sebagai peneraju serantau dalam pengurusan sempadan dan keselamatan.
13. Namun, pencapaian ini tidak mungkin terlaksana tanpa sokongan padu daripada semua pihak. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pemimpin terdahulu, rakan-rakan sejawat dan agensi yang telah memberikan kerjasama serta dedikasi tanpa jemu dalam memastikan penubuhan AKPS menjadi realiti.
14. Kepada warga kerja AKPS, saya ingin menyampaikan mesej ini: Anda bukan sekadar penjawat awam, tetapi **wira negara yang berdiri di hadapan menjaga pintu masuk dan maruah Malaysia. Dalam setiap langkah anda, ingatlah tanggungjawab yang besar ini.** Sebagaimana pepatah Melayu menyebut, ***“Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan.”*** Berikan yang terbaik kerana anda adalah wajah dan penjaga kepada kedaulatan tanah air!

Hadirin yang dihormati,

15. Majlis pada hari ini adalah titik permulaan kepada perjalanan yang panjang. Namun, dengan visi yang jelas, strategi yang tuntas dan semangat yang tidak pernah pudar, saya yakin AKPS akan menjadi contoh unggul kepada dunia. Bersama-sama, kita akan menjadikan Malaysia sebagai negara yang dihormati dan disegani, sebuah negara yang aman, makmur dan progresif.
16. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada:
 - (i) **Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim**, Perdana Menteri Malaysia, atas kepimpinan beliau yang sentiasa berpandangan jauh dan beraspirasi tinggi.
 - (ii) **Tidak** dilupakan, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada **Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi**, Timbalan Perdana Menteri I dan **Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah Yusof**, Timbalan Perdana Menteri II atas sokongan dan panduan berterusan mereka.
 - (iii) Tidak ketinggalan, kepada **Yang Berbahagia Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara**, sebagai arkitek utama dalam merangka dasar yang mendasari operasi AKPS, dan
 - (iv) **Yang Berbahagia Datuk Awang Alik bin Jeman**, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, yang berperanan sebagai *pendekar* dalam memastikan kejayaan pelaksanaan AKPS.

(v) **Tidak** lupa juga kepada **Yang Berbahagia CP Dato' Sri Hazani Bin Ghazali, Ketua Pengarah Agensi Kawalan dan Perlindungan Malaysia** yang bertungkus lumus merealisasikan penubuhan Agensi Kawalan dan Perlindungan Malaysia.

17. Sesungguhnya, tanpa bimbingan dan sokongan padu daripada kepimpinan tertinggi ini, kejayaan yang kita nikmati hari ini tidak mungkin dapat direalisasikan. Sekian.

Wabillahi taufik walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

~ TAMAT ~